

**SOALAN NO. : 422**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**NO. RUJUKAN : DR054**

**SOALAN:**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan senarai sungai-sungai yang tercemar dan berjaya dipulihkan setakat ini. Nyatakan kos memulihkan sungai-sungai tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, telah berjaya memulihkan sungai-sungai yang tercemar di bawah program satu negeri satu sungai (1S1R). Sungai-sungai tersebut adalah Sg. Kinta, Perak dan Sg.Papar, Sabah.

Program 1S1R ini juga dilaksanakan di semua negeri bagi meneruskan usaha dalam pemeliharaan dan pemuliharaan sungai-sungai di Malaysia khususnya di kawasan bandar bagi setiap negeri adalah seperti berikut dan kos keseluruhan adalah RM57.5 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-10;

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Sungai</b>	<b>Panjang Sungai Yang Dipulihkan (Km)</b>
1.	Perlis	Sg. Perlis	9.5
2.	Kedah	Sg. Petani	12
3.	Pulau Pinang	Sg. Pinang	3.1
4.	Perak	Sg. Kinta	20
5.	Selangor/KL	Sg. PENCHALA	12
6.	N.Sembilan	Sg. Temiang	9
7.	Melaka	Sg. Melaka	39
8.	Johor	Sg. Skudai	52.8
9.	Kelantan	Sg. Pengkalan Chepa	10
10.	Terengganu	Sg. Hiliran	5.5

11.	Pahang	Sg. Galing	7
12.	Sabah	Sg.Papar	45
13.	Sarawak	Sg. Miri	60
		Sg. Bintangor	0.63

Sekian, terima kasih.